

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15 Disember 2016

SOALAN

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan Institusi Kanak-Kanak kendalian Kerajaan, bilangan penghuni berdaftar sehingga November 2016 dan berapakah peruntukan harian bagi setiap kanak-kanak bagi menampung wang saku persekolahan dan makan minum mereka, serta kemudahan-kemudahan yang diperuntukan sepada mereka seperti akses internet dan kesihatan serta peruntukan yang diperuntukan 2017.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan sebanyak 46 buah Institusi Kanak-Kanak bagi menempatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan dengan pecahan seperti berikut: BIL. INSTITUSI BILANGAN 1. Rumah Kanak-Kanak 13 2. Sekolah Tunas Bakti 9 3. Asrama Akhlak 9 4. Taman Seri Puteri 4 5. Rumah Tunas Harap 9 6. Rumah Perlindungan 2 Bilangan penghuni bagi semua institusi kanak-kanak sehingga Oktober 2016 adalah seperti berikut: BIL INSTITUSI JUMLAH KANAK-KANAK LELAKI PEREMPUAN 1 Rumah Kanak-kanak 383 586 2 Rumah Budak Laki-laki 53 0 3 Pusat Perkembangan dan Kemahiran Kebangsaan 79 0 4 Sekolah Tunas Bakti 730 325 5 Taman Seri Puteri 0 132 6 Asrama Akhlak 121 46 7 Rumah Perlindungan 28 30 8 Rumah Tunas Harapan 92 64 JUMLAH 1,486 1,183 JUMLAH KESELURUHAN 2,669 Bagi tahun 2016, sebanyak RM3,760,000.00 diluluskan bagi menampung keperluan wang saku Institusi kanak-kanak dengan kadar RM3.00 seorang/sehari bagi kanak-kanak yang bersekolah atau mengikuti kursus kemahiran dan RM1.00 seorang/sehari bagi kanak-kanak yang tidak bersekolah. Sebanyak RM37,203,100.00 telah diluluskan bagi perbelanjaan mengurus Institusi Kanak-Kanak bagi tahun 2016 bagi menampung keperluan kanak-kanak, utiliti (termasuk akses internet), sewaan, makan minum, bahan mentah, bekalan (termasuk bekalan kesihatan), penyelenggaraan dan pembaikan kecil serta perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan yang dibeli. Sementara itu, bagi tahun 2017, RM3,516,400.00 diluluskan bagi menampung keperluan wang saku kanak-kanak di institusi, RM38,853,100.00 diluluskan bagi perbelanjaan mengurus serta menampung keperluan kanak-kanak di institusi. Secara keseluruhannya, bagi memenuhi keperluan setiap kanak-kanak di institusi, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM37.50 sehari secara purata untuk setiap orang kanak-kanak. Peruntukkan sebanyak RM16.00 sehari telah diluluskan melalui peruntukan Bajet Tahun 2014 bagi menampung 6 kali makan kepada kanak-kanak.

